

Economics - General

pg: 146

Cr: 0000274620

EL02015/A07

# TIP KEWANGAN SENAMAN KECERGASAN WANG

PESAH DENGAN SITUASI KEWANGAN SEKARANG? KOS SARA HIDUP YANG TINGGI, MASIH BELUM MEMILIKI ASET SENDIRI SERTA TIADA SIMPANAN UNTUK HAL-HAL KECEMASAN SEUMPAMA SIREN AMARAN YANG BERBAHAYA. TANPA KESTABILAN WANG, ANDA MUNGKIN BERHADAPAN MASALAH PERBELANJAAN YANG TENAT PADA MASA DEPAN. JADI BAGAIMANAKAH UNTUK MEMULAKAN SENAMAN KEKERCERGAN WANG?

SUSUNAN: NORZALINA MOHD ALIAS

## BUATBAJET

Berlatih untuk membuat bajet yang merupakan kunci kecergasan wang. Segelintir orang akan merasakan bahawa bajet boleh mengongkang kegembiraan tapi jikalau anda terus-menerus kehabisan wang serta tiada peruntukan untuk keperluan asas, ia boleh memeritkan. Latih diri untuk membuat senarai bajet bagi membantu anda menyemak keluar masuk wang, dan dari situ anda dapat mengagak pemborosan serta meningkatkan simpanan.

## TABUNGAN MASA TUA

Anda belum terlambat untuk menyimpan dari sekarang. Terdapat banyak cara untuk mencapai sasaran kewangan masa panjang seperti mencarum dalam KWSP atau membuka akaun khas untuk persaraan. Walau bagaimanapun, usah tunggu sehingga usia anda 40-50 tahun untuk memulakannya, tapi mulakan seawal mungkin untuk mendapatkan lebih faedah.

## BINA SIMPANAN PERIBADI

Sebagai tambahan simpanan untuk pelan persaraan anda, rancang strategi untuk meningkatkan tabungan peribadi. Ia juga menawarkan aliran tunai yang baik, lebih-lebih lagi semasa waktu kecemasan seperti ketika kereta rosak atau membayar bil perubatan. Caranya, latih untuk memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun peribadi pada setiap minggu. Ya, minggu!



## KURANG BERBELANJA

Cuba imbas bagaimana anda menggunakan wang. Mungkin ada lebih bajet untuk merawat rambut, bercuti atau makan malam di luar beberapa kali seminggu. Meskipun berkemampuan, itu tidak bermakna anda wajar membelanjakannya sesuka hati. Jadilah wanita yang bijak dan jadikan simpanan sebagai satu keutamaan. Fikir apakah perkara tidak penting yang selalu dibeli dan kurangkan pembaziran wang secara berhemah.

## CARI PENDAPATAN SAMPINGAN

Adakah pendapatan sekarang hanya setakat 'cukup-cukup makan' sehingga anda tiada lebih tunai untuk menabung? Salah satu cara yang boleh diusahakan ialah dengan meminta kenaikan gaji daripada majikan. Pun begitu, terdapat beberapa cara lain untuk menambahnya seperti mengambil kursus tertentu berkaitan bidang kerjaya anda untuk mendapat lebih pengalaman atau menukar hobi anda kepada pendapatan sampingan.

Sekiranya anda bukan seorang yang bijak menguruskan wang, mulakan senaman kecergasan ini pasti sedikit mencabar. Tetapi jangan cepat putus asa. Tingkatkan skil pengurusan wang dengan menyuntik impak positif dalam pelbagai bidang kehidupan. ■

## BAYAR BIL PADA MASANYA

Lambat membayar bil merupakan tabiat yang perlu dihapuskan. Ia akan mencalarakan rekod kredit anda seterusnya membuat anda dikenakan faedah kelewatan yang lebih tinggi. Justeru, tunjukkan komitmen dengan membayar tepat pada masanya atau lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan.